



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 33 / 2020

SPR TERIMA NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.58 SLIM, PERAK

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham **YB Dato' Mohd Khusairi bin Abdul Talib** atas kembalinya Allahyarham ke rahmahtullah pada **15 Julai 2020 (Rabu)**. Semoga keluarga Allahyarham tabah menghadapi kehilangan orang yang tersayang.
2. Sehubungan dengan itu, SPR telah menerima pemakluman rasmi daripada **Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, YB Dato' Mohammad Zahir Bin Dato' Abdul Khalid** pada **17 Julai 2020**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **DUN N.58 Slim, Perak**.
3. Berdasarkan **Perkara XXXVI (5), Bahagian Pertama, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan** – “Sesuatunya kekosongan luar jangka hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh yang dipastikan oleh SPR kekosongan itu berlaku”.

4. Justeru itu, SPR akan mengadakan **Mesyuarat Khas** pada **23 Julai 2020 (Khamis), jam 9:00 pagi** bertempat di Ibu Pejabat SPR, Menara SPR, Putrajaya. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **Timbalan Pengerusi SPR, YBrs. Dr. Azmi Sharom**, yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting pilihan raya kecil (PRK) seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan, dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut. **Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas mesyuarat tersebut.**

Sekian, terima kasih.

IKMALRUDIN BIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 17 Julai 2020 / 25 Zulkaedah 1441H